

Hajat Nadia kecewakan Sean Yee tidak kesampaian

RATU lompat tinggi negara, Yap Sean Yee muncul pemenang dalam pertembungan 'satu lawan satu' dengan jaguh Indonesia, Nadia Angraini.

Nadia, 24, dari Universitas Kebangsaan Jakarta sebelum ini berhajat untuk mencabar bintang Universiti Putra Malaysia itu pada temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SukIPT) 2016.

Bagaimanapun, hajat itu tidak kesampaian apabila dia terpaksa berpuas hati di tempat kedua, manakala Sean Yee pula merangkul pingat emas di Stadium Utama, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor kelmarin.

Akur dengan kekalahan tersebut, pemegang rekod lompat tinggi remaja Indonesia itu pantas memuji kehebatan dimiliki Sean Yee.

"Saya sedih kerana gagal melepasi catatan peribadi terbaik saya (1.75 meter). Sean Yee telah melakukan satu tugas yang cukup baik di sini.

"Bagi saya, dia seorang atlet yang luar biasa kerana dia mudah sahaja melepasi ketinggian 1.75m," kata Nadia kepada *Kosmo!* selepas tamat saingan final kelmarin.

Lima lagi atlet lain ternyata bukan cabaran buat Nadia dan Sean Yee apabila gagal melepasi ketinggian 1.55m, contohnya pemenang pingat gangsa, Nurul Falena Gunasekera dari Universiti HELP cuma mencatatkan



AKSI emas Sean Yee dalam acara lompat tinggi wanita pada SukIPT di UTM, Skudai semalam.



NADIA terpaksa akur akan kehebatan Sean Yee dalam acara lompat tinggi pada SukIPT di Skudai semalam.

1.51m sahaja.

Sebaliknya, 'pertarungan' antara dua jaguh itu bermula daripada ketinggian 1.66m dan 1.70m yang mana mereka berdua tiada masalah untuk melepaskannya dalam lompatan pertama lagi.

Kemenangan Sean Yee terjamin pada ketinggian 1.75m selepas tiga percubaan Nadia gagal, sekali gus membolehkan wakil UPM itu memadam rekod temasya terdahulu, 1.66m milik Nur Liana Kamarudin sewaktu 2014 lalu.

Begitupun, cubaan Sean Yee untuk mencipta rekod baharu kebangsaan tidak berjaya selepas dia gagal melepasi ketinggian 1.80m.

"Sasaran saya untuk melakukan 1.75m pada kejohanan pertama tahun ini berjaya. Saya cuba lakukan 1.80m di Doha nanti," jelas Sean Yee.

Sean Yee bertekad untuk melepasi semula ketinggian 1.80m pada Kejohanan Olahraga Dalam Dewan Asia di Doha, Qatar pada 16 Februari ini.